



Headline: Macau Scam rekrut Melayu
Publication/Portal: Kosmo
Date: 9 Januari 2018

Language: Bahasa Malaysia
Section:
Page: 16

Polis terima 134 kes melibatkan kerugian RM6.4 juta sepanjang tahun lalu


Macau Scam rekrut Melayu

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Sindiket penipuan Macau Scam dikesan meluaskan sasarannya dengan merekrut orang Melayu untuk memperdaya lebih banyak mangsa selain kaum Cina bagi mengaut keuntungan sehingga RM6.4 juta di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Chan Teck Paing berkata, statistik menunjukkan sebanyak 134 kes penipuan telah dilaporkan berlaku di negeri ini dengan mangsa paling ramai dicatatkan ialah Melayu (93), diikuti Cina (34) dan India (7).

Katanya, mangsa penipuan sindiket ini terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk guru, ahli perniagaan, pekerja syarikat kewangan dan suri rumah.



TECK PAING menunjukkan statistik kerugian penipuan Macau Scam di Alor Setar semalam.

“Sindiket ini mula dikesan melebarkan sasaran mangsa tanpa mengira kaum bagi mengaut lebih banyak keuntungan melalui penipuan. Sebelum ini, mere-

ka banyak menyasarkan mangsa daripada kaum Cina.

“Sindiket ini juga dipercayai mula merekrut orang Melayu dan ia menjadi antara faktor



SINDIKET penipuan Macau Scam terus digempur oleh polis selepas memperdaya ramai orang dan mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit. – Gambar hiasan

kaum itu menjadi mangsa Macau Scam paling ramai sejak pertengahan tahun lalu,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, seramai 63 suspek yang disyaki terlibat dalam sindiket tersebut telah ditahan sepanjang tahun lalu.

“Mereka terdiri daripada warga tempatan yang mana siasatan mendapati mereka ini dipergunakan oleh sindiket ini untuk membuka akaun bagi memindahkan wang mangsa,” katanya.

Tambah beliau, sindiket tersebut menggunakan banyak taktik dan salah satunya adalah dengan menyamar sebagai pegawai kastam di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam dengan mendakwa mangsa memiliki telefon bimbit yang dibawa masuk tanpa cukai.

“Mangsa kemudian diminta membayar sejumlah wang bagi membolehkan barang itu dibenarkan masuk ke negara ini,” katanya.